

05 APR 2001

Mahathir-Muzakarah

MAHATHIR SAMBUT BAIK MUZAKARAH MENGENAI AMANAT ABDUL HADI

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyambut baik cadangan diadakan muzakarah antara Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan Datuk Dr Ismail Ibrahim dan Timbalan Presiden Pas Haji Abdul Hadi Awang berhubung isu "Amanat Haji Hadi" dan mahu ia disegerakan.

"Ada baiknya bagi mereka bermuzakarah kerana daripada fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Raja-raja (baru-baru ini), satu daripada bukti kekeliruan ialah berkenaan dengan Amanat Haji Hadi.

"Fatwa Majlis Raja-raja berpendapat amanat ini mengelirukan orang Islam, tentang siapa yang Islam dan siapa yang tidak," katanya kepada pemberita di akhir lawatannya ke Kementerian Penerangan.

Perdana Menteri berkata soal tempat yang sesuai tidak harus ditimbulkan kerana yang penting ialah untuk mencari kebenaran dari sudut Islam berhubung perkara itu.

"Saya berpendapat tempat tak penting, saya fikir penyertaan (dalam muzakarah itu) bukan (untuk) wakil kepada sesiapa, cuma nak buat penjelasan sebagai orang Islam sahajalah," katanya ketika diminta mengulas sama ada Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) atau Majlis Fatwa menjadi platform kepada muzakarah itu.

Ketika diminta mengulas kenyataan Presiden Pas Datuk Haji Fadzil Noor bahawa Umno harus menjadi sebagai pemerhati sahaja pada muzakarah itu, Perdana Menteri berkata: "Tak apa, kita tak jadi soal, kalau tak hendak Umno tak apalah, tinggal lagi kalau tak hendak Umno tok sah ada Pas samalah, cuma ada Hadi seorang cakap, bukan sebagai (wakil) Pas," katanya.

-- BERNAMA

AFY AHH MAI